



**IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP**  
**BAHAGIAN KABINET, PERLEMBAGAAN DAN PERHUBUNGAN**  
**ANTARA KERAJAAN, JPM**

1. Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ingin mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan Personel MySTEP seperti berikut :

<b>JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>Personel MySTEP</b>
<b>KADAR UPAH</b>	<b>:</b>	<b>RM 2,000 sebulan (Ijazah)</b>
		<b>RM 1,800 sebulan (Diploma)</b>
		<b>RM 1,600 sebulan (SPM)</b>

**2. DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem guna komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyediaan dokumentasi sistem, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna. Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

**3. SYARAT KELAYAKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- c) Ijazah dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat;
- d) Kepakaran dalam bidang pengaturcaraan sistem;

- e) Kemahiran dan pengalaman dalam pembangunan sistem :
  - i. Min bahasa pengaturcaraan: php, java, vb, Joomla dan lain-lain; dan
  - ii. Min Framework: Laravel dan lain-lain.
- f) Kemahiran dan pengalaman dalam mereka bentuk, pemantauan dan penyelenggaraan pangkalan data;
- g) Kemahiran dan pengalaman dokumentasi teknikal pembangunan sistem;
- h) Kemahiran dan pengalaman dalam arkitektur sistem
  - i. sistem Operasi Windows dan Linux;
  - ii. webserver apache dan IIS; dan
  - iii. Client-based.
- i) Kemahiran membuat rekaan grafik dan video;
- j) Berminat meningkatkan ilmu dan kemahiran diri; dan
- k) Bertanggungjawab, memiliki personaliti yang menarik dan berdisiplin.

#### **4. CARA MEMOHON**

Kemukakan resume berserta gambar berukuran pasport terkini dan juga salinan kad pengenalan, serta sijil tamat pengajian lengkap dengan transkrip ke alamat e-mel **sumbermanusia@kabinet.gov.my**. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas sebulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

#### **5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Januari 2021 (Jumaat)**.